

1
1
0
3
2

NAMA TINGKATAN

MODUL PINTAS 2024
TINGKATAN 5

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
5. **Kertas jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata kerja majmuk. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata kerja majmuk tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggugurkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Pelakon Fasha Sandha berterima kasih kepada mereka yang mengambil berat mengenai dirinya yang diuji dengan virus COVID-19 pada Hari Raya Aidilfitri lalu. Bersyukur kerana sudah bebas daripada virus COVID-19, Fasha menegaskan bahawa bukan kebendaan yang diperlukan sebaliknya sokongan moral pada saat-saat dirinya mendepani pancaroba tersebut. Sejajurnya, untuk menunjukkan keprihatinan, seseorang itu tidak semestinya menghadihkan apa-apa buah tangan yang bersifat kebendaan, tetapi cukuplah sekadar menelefon atau menghantar mesej untuk bertanyakan khabar dan mengambil tahu tentang perkara yang terjadi. Pelakon tersebut memberitahu wartawan apabila ditemu bual tentang pengalamannya dijangkiti virus tersebut.

Dipetik dan diubah suai daripada,
'Terima kasih kepada yang Ambil Berat',
oleh Zaara Talita,
am@hmetro.com.my.

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat bersusunan songsang yang bergaris kepada ayat bersusunan biasa tanpa mengubah maksud asalnya.*

Pernah disuarakan bahawa penterjemahan karya sastera menjadi lesu dan kurang diberi perhatian oleh para penterjemah. Hal ini dikatakan demikian kerana kerjanya yang dianggap begitu sukar dan rumit. Melalui kerjasama yang jitu, penterjemahan karya sastera daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu ternyata berlangsung dengan giatnya. Sejak menandatangani memorandum perjanjian kerjasama, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan Pusat Kebudayaan Han Malaysia (HAN) telah berjaya menerbitkan beberapa judul buku terjemahan. Sebagai usaha menyemarakkan pembacaan karya sastera terjemahan, empat siri bicara karya sastera terjemahan bakal berlangsung setiap bulan.

Dipetik dan diubah suai daripada,
'Karya Sastera Terjemahan: Mengangkat Budaya dan Citra Dua Negara',
oleh Nurul Julia Alani Henry,
17 Ogos 2021.

[6 markah]

- 3 *Baca papan tanda amaran dan dialog di bawah dengan teliti. Papan tanda amaran dan dialog tersebut mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin ayat-ayat dalam papan tanda amaran dan dialog tersebut.*

Bahan 1

AMARAN

Dilarang melakukan sebarang aktiviti air di tasik ini termasuk bermandi manda, berenang, memancing, memberikan makanan kepada kehidupan air di dalam tasik atau aktiviti-aktiviti lain seumpama dengannya tanpa kebenaran daripada pihak Majlis Perbandaran Sepang.

Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya sesuatu kemalangan berlaku di atas kecuaian atau kegagalan mentaati arahan ini.

ARAHAN

**Yang di-Pertua
Majlis Perbandaran Sepang**

[5 markah]

Bahan 2

- Kamil : Tahukah Daniel bahawa di taman rekreasi kita ini berlakunya tragedi budak lemas pada Sabtu yang lalu?
- Daniel : Ya, saya ada mendengar berita ini daripada ayah saya semalam. Namun begitu, saya tidak pasti akan punca budak itu terjatuh ke dalam tasik.
- Kamil : Menurut laporan berita, budak itu dikatakan jatuh terperosok kerana terpijak kulit pisang yang dibuang oleh pengunjung taman lalu tergelincir ke dalam tasik.
- Daniel : Oh, kasihannya budak itu! Tidak ada siapakah yang membantunya pada ketika itu?
- Kamil : Itulah... Aspek keselamatan kanak-kanak masih kurang ibu bapa titikberatkan.
- Daniel : Betul kata kamu itu. Kita seharusnya selalu saling ingat-mengingatkan tentang tanggungjawab yang perlu dipikul kerana malang tidak berbau.

[4 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka Laksamana pun berdatang sembah, “Ya tuanku, adapun penjurit yang datang ini bukan barang-barang penjurit, lebih tahunya daripada patik. Jika ada derma kurnia, patik hendak memohon ke bawah duli hendak cuba bermain dengan penjurit itu.”

Maka titah raja, “Adapun Laksamana itu tiadalah dapat jauh daripada kita, jikalau Laksamana pergi berkawal, siapa teman kita di istana ini? Yang kita harap hanyalah Laksamana.”

Dipetik daripada,
‘Kepimpinan Melalui Teladan’,
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **tiga** peribahasa yang terdapat dalam petikan. Kemudian, berikan **maksud** peribahasa tersebut.*

Tok Batin telah menceritakan adat perkahwinan suku kaum Temuan kepada kami. Menurut Tok Batin, adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung. Walaupun masyarakat kita sudah semakin moden, kita masih seharusnya mematuhi adat dan tatacara budaya yang kita warisi daripada masyarakat terdahulu. Usaha untuk melestarikan warisan bangsa kita sendiri pula merupakan tanggungjawab bersama setiap individu. Jika berlakunya apa-apa permasalahan, kita semua seharusnya menggalas kewajipan, sakit sama mengaduh, luka sama menyuik. Oleh sebab itu, sangat penting untuk kita terus mempertahankan adat dan budaya warisan kita supaya warisan tersebut tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

[6 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 *Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Jenayah buli yang dilakukan oleh segolongan remaja didorong oleh beberapa faktor, dan satu daripadanya adalah untuk mencari kepuasan diri. Berkemungkinan pelajar tersebut mengalami penderaan dari segi mental dan fizikal yang dilakukan oleh ibu bapa atau ahli keluarganya. Kemudian, apabila berada di sekolah atau universiti, pelajar itu mula mencari mangsa lalu mendera atau membuli mangsa itu sepertimana dirinya yang didera oleh ahli keluarga. Dengan melakukan buli, pelajar itu berasa puas hati apabila melihat orang yang dibulinya dalam keadaan ketakutan kerana diugut, digertak atau dicerderakan. Sikap seperti ini tidak sepatutnya ditanam dalam diri remaja kerana kesannya akan melahirkan remaja yang tidak baik dari segi akhlaknya. Selain itu, mangsa buli pula cenderung berfikir untuk membunuh diri atau cuba membunuh diri. Walaupun masalah buli ini sebenarnya sukar untuk dinoktahkan, sekurang-kurangnya jenayah ini *dapat dibanteras* oleh semua pihak.

Dipetik dan diubah suai daripada,
'Buli Bukan Budaya Tetapi Jenayah',
oleh Siti Noorisa Abdul Khlil,
Dewan Siswa, Bil. 2/2022.

Bahan 2

Kita sering dimomokkan perbuatan membuli itu ialah perkara biasa terutama apabila menjejakkan kaki ke asrama, sekolah atau tempat baharu. Bukan itu sahaja, wujud tanggapan kononnya buli perlu ada untuk meningkatkan sifat hormat junior kepada senior, membentuk sahsiah baik dan mendisiplinkan mereka menghormati orang yang lebih tua. Ada pula yang menganggap bahawa buli dapat membentuk belia yang kuat. Hakikatnya, mangsa buli akan berasa tertekan, cemas, dan kesunyian sehingga mengakibatkan masalah kemurungan. Pelbagai peraturan, prosedur dan undang-undang diwujudkan tetapi kes buli sehingga menyebabkan kematian masih wujud. Tindakan membuli perlu diambil serius kerana hal ini bukan perkara tradisi atau perkara biasa di sekolah, universiti atau kolej bahkan di tempat kerja. Pihak pengurusan dan kepimpinan perlu memandang perkara buli ini dengan lebih serius. Kita tidak mahu isu ini semakin membarah dalam kalangan masyarakat kerana membabitkan golongan remaja.

Dipetik dan diubah suai daripada,
'Penularan Gejala Buli dalam Kalangan Remaja di Sekolah',
oleh Rabiatul Bhaif,
<https://www.researchgate.com.my>.

Bahan 3

- Ismail : Gejala buli di sekolah sepatutnya tidak berlaku. Sepatutnya sekolah merupakan tempat yang paling selamat dan kondusif untuk kita mendapatkan ilmu.
- Wani : Betul saya setuju dengan pendapat awak. Buli memberikan kesan yang buruk kepada pelajar. Biasanya mangsa buli tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran. Mereka akan selalu ponteng sekolah untuk mengelakkan diri daripada dibuli.
- Ismail : Ya. Betul kata awak Wani, prestasi pelajaran mereka akan merosot dan akhirnya mereka gagal dalam peperiksaan.

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *dapat dibanteras*.
[2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, kemukakan beberapa kesan terhadap mangsa buli sama ada dari segi mental atau fizikal.
[4 markah]
- (iii) Remaja yang terlibat dalam gejala sosial sering menimbulkan masalah kepada masyarakat. Perbuatan merosakkan harta benda awam, gengsterisme, pengambilan dadah dan sebagainya harus ditangani dengan segera.

Pada pendapat anda, selain kurangnya kasih sayang keluarga, apakah faktor-faktor lain yang menjadi punca kepada permasalahan ini?

[3 markah]

- (iv) Rakan anda kerap tidak hadir ke sekolah. Alasannya sering bangun lewat dan tidak cukup tidur. Anda mendapat tahu bahawa rakan anda itu kerap keluar pada waktu malam dan terlibat dengan aktiviti lumba haram tanpa pengetahuan keluarganya. Prestasi pelajarannya juga semakin merosot.

Sebagai rakan yang prihatin, nyatakan tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan untuk membantu rakan anda meninggalkan tabiat buruknya itu.

[4 markah]



- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

PANTUN MENJAGA ALAM SEKITAR

Buah pala buah keranji,
Di tanah datar pokok ditanam;
Kitar semula amalan terpuji,
Indah pandangan serinya alam.

Tebas menerung di tepi bendang,
Rumput benta dicantas pula;
Bekas kosong jangan dibuang,
Elok kiranya diguna semula.

Puyuh ketitir di tepi perigi,
Merbah kenari terbang sekawan;
Sungai bersih tempat rekreasi,
Usah dicemari dengan kotoran.

Asyik mendayung di tengah tasik,
Dayungnya rapuh terbelah dua;
Bukit dan gunung usah diusik,
Cerunnya runtuh menimpa manusia.

Burung tempua di hujung dahan,
Dahan angkana dibuat titi;
Hutan rimba andai dimusnahkan,
Flora dan fauna pupuslah nanti.

Petik daun terlekat duri,
Pokok sengkuang di tepi tingkap;
Toksik dan racun boleh dihindari,
Andai pekilang tahu tanggungjawab.

Pandai bermadah tuan puteri,
Menyusun kata indah terasa;
Alam nan indah anugerah Ilahi,
Hendaklah kita menjaga sentiasa.

MOHD KASIM AHMAD
PPJ Kota Tinggi, Johor.

Bahan 2

“Ajam, Bakar, Melati, Budi!” Mak Tua yang sedari tadi sibuk melayan kerenah cucu-cucunya ikut bercakap. “Kamu dah cari pekerja untuk menjaga dusun dan hutan ini? Sekarang ni pencuri kayu balak makin menjadi-jadi. Kalau tak dijaga, nanti habis pula kayu balak dalam hutan ni dicuri oleh mereka.”

“Dah mak. Kami dah cari. Awal bulan depan mulalah mereka bekerja,” sahut Bakar. “Kami rancang nak buka bidang kerja barulah, pak, mak,” ujar Melati. “Kami nak ceburi bidang pelancongan. Kalau tengok keadaannya, hutan simpan bapa ini ada potensi untuk dijadikan kawasan pelancongan.”

“Betul,” Budi menyokong. “Aliran sungai kecil di tengah hutan itu bolehlah kita perbesar untuk dijadikan kolam memancing ikan.” “Saya fikir pun begitu. Banyak kerja yang perlu kita buat. Saya rasa ...” Melati berfikir-fikir. “Bolehlah kita tiru kawasan pelancongan seperti Lembah Danum di Lahad Datu, Sulaman Resort di Tuaran atau kita tiru seperti Sukau.” Melati menambah dengan bersemangat. “Usaha seperti itu perlukan modal besar,” pintas Bakar. “Kita boleh keluarkan modal bersama-sama. Kita jadikan usaha ini satu perniagaan keluarga,” Budi memberi saranan.

Dipetik daripada,
cerpen ‘Hutan Rimba’ oleh Sasjira,
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 3**Sungai Kehidupan**

Di tepian sungai, alirannya merdu
Mengalir tenang sumber kehidupan
Airnya jernih cerminan biru
Sungai berharga warisan bangsa

Sungaiku
Ikan berenang riang dalam arus
Petani bersyukur sawah subur terurus
Memberi tanpa penat dan lelah
Menjadi nadi alam semesta

Sungai kita
Kalau tak cakna dan dijaga
Andai tak kisah dan dipelihara
Nampaknya akan tinggal nama saja
Pudarlah kenangan untuk dicerita
Anak cucu yang tak merasa.

SERI KEMBOJA
Shah Alam, Selangor

- (i) Nyatakan amalan-amalan terpuji yang terdapat dalam **Bahan 1**.
[2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, apakah kepentingan sungai?
[4 markah]
- (iii) Masalah banjir di negara ini bukanlah satu isu yang baharu. Banjir yang kerap berlaku di negara ini telah memberikan kesan buruk kepada masyarakat.
Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan buruk akibat banjir?
[3 markah]
- (iv) Anda memiliki beberapa buah rumah inap desa yang terletak berhampiran dengan sungai. Pengunjung yang datang juga dibenarkan untuk menginap di dalam khemah yang telah anda sediakan. Namun, anda mendapati bahawa terdapat segelintir pengunjung yang kurang menjaga kebersihan di kawasan perkhemahan tersebut.
Sebagai individu yang bertanggungjawab, cadangkan tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan untuk mengatasi masalah tersebut.
[3 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Nurul Hafsa juga tidak dapat membayangkan kehidupannya untuk tahun-tahun akan datang sebagai pegawai sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin. Sesungguhnya dia tidak mahu menghabiskan keseluruhan kerjayanya makan gaji buta sambil menunggu ketibaan Ramadan, Syawal dan Zulhijah untuk mengambil foto beberapa orang lelaki menggunakan teleskop di Balai Cerap Sultan Salahuddin. Sehingga itu, sanggupkah dia sekadar membuka dan menutup pintu balai cerap untuk mengelap dan membersihkan segala peralatan serta habuk pada kanta teleskop di dalamnya? Impiannya dahulu dan kini adalah untuk menjadikan Kuala Selangor, Bukit Melawati dan Balai Cerap Sultan Salahuddin tempat tumpuan para peminat langit seluruh dunia melihat bintang. Dia bercita-cita untuk memberikan ceramah tentang kegiatan memerhati langit untuk kanak-kanak dan remaja. Dia akan melaksanakan program untuk pemerhati langit amatir dan program pendidikan tentang kepentingan langit gelap kepada kanak-kanak sekolah. Oh, alangkah indahnyanya jika impian itu tercapai!

Dipetik daripada novel *Bimasakti Menari*,
karya Sri Rahayu Mohd Yusop,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan impian yang belum dicapai oleh Nurul Hafsa sebagai pegawai sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang dapat menimbulkan kesedaran bagi setiap novel.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1

Kajian Profil Membaca yang dijalankan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mendapati kadar pembacaan dalam kalangan rakyat Malaysia semakin meningkat. Hasil kajian menunjukkan peningkatan ketara, iaitu daripada dua naskhah buku setahun pada 2005 meningkat kepada 24 naskhah pada 2022. PNM telah memperkasakan pelbagai program termasuklah Program U-Pustaka yang menawarkan 22 pangkalan data dengan 900 000 judul koleksi digital yang boleh diakses setiap hari melalui e-buku, e-komik, e-pembelajaran dan e-akhbar. Namun begitu, usaha ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara membaca sekali gus memupuk amalan membaca dalam kalangan masyarakat terus dilaksanakan.

Selain PNM, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menyusun pelbagai program sepanjang sepuluh tahun dari tahun 2021 hingga tahun 2030 sebagai Dekad Membaca Kebangsaan (DMK). DMK bertujuan untuk membentuk masyarakat berilmu yang bertaraf dunia melalui pembudayaan amalan membaca. Selain itu, pihak kerajaan melancarkan kempen membaca kebangsaan yang diadakan sepanjang tahun. Melalui kempen seperti ini, rakyat dapat mengenali kepentingan membaca dan faedah yang diperoleh sekiranya membaca. Sewaktu mengulas kepentingan memupuk amalan membaca, Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia pernah menegaskan bahawa membaca merupakan suatu amalan pemerolehan dan pengukuhan ilmu pengetahuan dan merupakan asas kepada pembangunan diri manusia.

Sehubungan dengan itu juga, penganugerahan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) diharapkan dapat membawa impak jangka panjang kepada industri buku negara. KLWBC 2020 ialah satu-satunya acara perbukuan terbesar di negara ini yang secara tidak langsung dapat membantu menyemarakkan budaya membaca dan menulis. Amalan membaca dalam kalangan masyarakat dapat menambah baik penguasaan bahasa dan kefahaman bahan yang dibaca. Selain itu, amalan ini dapat menambah perbendaharaan kata yang kita ketahui sekali gus menambah nilai diri setiap individu.

Dipetik dan diubah suai daripada,
'Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya'
oleh Yusaida Yusof,
Dewan Siswa, Bil. 2/2020.

Bahan 2**MEMBACA JAMBATAN ILMU**

- Menguatkan daya ingatan tentang perkara yang dibaca
- Memperoleh kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis melalui bahan bacaan yang dibaca

Bahan 3

Oh, pelik saya dengan golongan remaja! Remaja kini hanya leka dengan peranti elektronik berbanding membaca. Yang lebih mendukacitakan ialah ibu bapa sendiri tidak mengamalkan budaya ini ketika di rumah.

Ya... betul tu. Ibu bapa perlu membaca bersama anak-anak di rumah dan membawa mereka ke pameran buku kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT